

# Wujudkan sistem tawaran kemasukan IPT lebih cekap, adil

Prof Madya Dr Muhammad Irwan Ariffin, Timbalan Pengarah, Bahagian Kemasukan dan Pengurusan Akademik, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

**Selepas** hebahan keputusan UPUOnline pada 16 Jun lalu serta keputusan Program Matriculasi Kementerian Pendidikan (KPM) pada 21 Mei dan Institut Pendidikan Guru (IPG) Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) pada 19 Jun, ramai lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2024 kini mungkin berada dalam situasi agak istimewa kerana ada yang menerima beberapa tawaran serentak daripada pelbagai institusi pengajian tinggi awam (PTA).

Walaupun keadaan ini sering dianggap sebagai pengiktirafan kepada pencapaian pelajar, ia turut menimbulkan beberapa persoalan mengenai penawaran tempat pengajian yang terhad secara lebih cekap, adil dan optimum kepada lebih ramai pelajar.

Apabila seorang pelajar menerima tawaran daripada Unit Permohonan Universiti (UPU), Matriculasi dan IPG serentak, ini bermaksud tiga institusi berbeza memperuntukkan satu tempat untuk orang yang sama.

Namun pelajar terabit hanya akan mendaftar di satu tempat. Dua tempat lain diperuntukkan itu akhirnya terbiasa kosong menyebabkan calon lain yang layak tidak mendapat tawaran berkenaan.

#### Nafi peluang awal calon

Walaupun kekosongan itu diangihkan semula melalui proses rayuan, calon mengisi tempat itu tetap dinafikan mendapat peluang tawaran lebih awal.

Dari sudut pandangan ekonomi, sistem ini mencerminkan persaingan antara IPTA untuk menarik pelajar terbaik. Persaingan ini ada manfaatnya. Pelajar mendapat lebih banyak pilihan dan kebebasan memilih program paling sesuai dengan minat dan cita-cita mereka.

Namun, kelemahannya juga ketara iaitu pertindihan tawaran menyebabkan pembaziran tempat, kelewatan penempatan dan peluang yang hilang.

Apa yang dilihat adil kepada individu mungkin

sebenarnya tidak cekap dan kurang adil terhadap masyarakat secara keseluruhan.

Bagaimana jika kita memperkenalkan satu sistem pemadaman pusat dengan setiap pelajar hanya menerima satu tawaran terbaik berdasarkan merit dan pilihan dinyatakan.

Ini memastikan apabila seorang pelajar mendapat tawaran penempatan, tempat lain yang diperuntukkan untuknya boleh terus diangihkan kepada calon lain secara lebih cepat dan adil.

Malaysia sudah mempunyai infrastruktur digital untuk melaksanakan sistem ini. Apa yang digunakan ialah penyelarasan antara agensi, terutamanya antara KPM, Kementerian Pendidikan

Tinggi dan agensi berkaitan.

Pembaharuan ini memerlukan keyakinan, ketelusan dan tadbir urus data yang kukuh supaya manfaat jangka panjang dari segi keadilan dan kecekapan boleh direalisasikan.

Sudah tiba masa kita menilai semula bagaimana tawaran kemasukan diuruskan, bukan untuk menyekat pilihan pelajar, tetapi memastikan setiap tempat dimanfaatkan sepenuhnya dan lebih ramai pelajar mendapat peluang sewajarnya.

Jika kita benar-benar ingin memperluaskan akses kepada pendidikan tinggi berkualiti, kita mestilah pastikan tiada tempat dibazirkan dan tiada pelajar ketinggalan tanpa sebab munasabah.



Kemasukan pelajar ke IPT perlu diurus dengan bijaksana bagi memberi peluang lebih ramai lanjut pelajaran.  
(Foto hiasan)